

# 6 feri mungkin dilupus jika tiada pihak mahu ambil alih

**Bukit Mertajam:** Enam feri ikonik Pulau Pinang yang sudah lagi tidak digunakan mungkin dilupuskan jika tiada pihak yang berminat mengambil alih atau mengubah suai kegunaannya, kata Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Beliau berkata, ini berikutan struktur feri terbabit yang semakin usang serta mereput dan sudah tidak sesuai digunakan bagi tujuan pengangkutan.

“Saya difahamkan bahagian bawah feri itu sudah reput, kalau tak ada orang berminat untuk ambil alih, ia tidak boleh disimpan selama-lamanya,” kata beliau selepas merasmikan Majlis Penutupan

Karnival UDA 2024@Penang di tapak parkir Gravitas Jalan Baru Prai di sini, kelmarin.

Chow berkata, sebelum ini, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) membuka tender Perintintaan Untuk Cadangan bagi mengubah suai kegunaan feri ikonik itu, namun jika tiada pihak yang berminat maka ia mungkin hilang dan diubah ke tempat lain.

Beliau berkata, ketika ini, terdapat dua feri ikonik yang mungkin masih boleh diselamatkan iaitu yang berada dengan syarikat pemaju Ideal Property manakala satu lagi akan dijadikan muzium feri,

berpangkalan di Tanjung Marina di sini.

“SPPP banyak menerima cadangan agar ia kekal digunakan, tetapi selepas meneliti kos, bukan se-nang untuk mengekalkan feri bagi kegunaan perkhidmatan pengangkutan awam tetapi kalau kegunaan lain boleh dipertimbang.

“Tambahnya pula terminal diubah suai untuk kegunaan perkhidmatan feri baru yang sedang beroperasi,” katanya.

Pengerusi SPPP Datuk Yeoh Soon Hin sebelum ini memaklumkan pihaknya memutuskan untuk melupuskan feri ikonik terbabit dengan segera.